



Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005

Alhamdulillah, pada 30 September 2005 hingga 2 Oktober 2005 yang lalu, Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) selaku penyelar kepada penyertaan dari KUKUM telah membawa sebanyak 16 penyertaan ke Pameran R&D IPTA 2005 ini yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dan menjadi sebahagian daripada hasrat Y. Bhg. Dato' Rektor KUKUM, di mana beliau mahu melihat penyertaan yang lebih hebat berbanding Pameran ITEX 2005. Dekan R&D KUKUM, Prof. Madya Dr. Uda Hashim tidak ketinggalan mempunyai dasar yang tersendiri dalam penyertaan kali ini. Beliau yang begitu yakin dengan penyertaan kali ini, sesungguhnya mahu melihat perkembangan penyelidikan di KUKUM meningkat naik dan setanding dengan lain-lain IPTA

Dengan objektif utamanya iaitu untuk mempromosi dan memasarkan kekuatan dan hasil penyelidikan dan pembangunan semua IPTA untuk pasaran dalam dan luar negara, khususnya IPTA dan GL-IPTS, pameran ini mampu untuk menentang beberapa

projek penyelidikan yang disertai oleh KUKUM. Berdasarkan kesinambungan dari objektif di atas, matlamat utamanya ialah supaya penyelidikan-penyelidikan yang menyertai mampu mengukuhkan penglibatan pihak industri dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan di IPTA, terutama dalam aspek pengkomersialan hasil yang berkaitan.

Oleh kerana semangat yang ditunjukkan oleh peserta-peserta dari KUKUM begitu memberangsangkan, maka Unit Penyelidikan dan Pembangunan KUKUM amat yakin dengan potensi yang dipunyai oleh kita di dalam menjayakan penyertaan kali ini. Dan hasilnya, KUKUM sekali lagi berjaya membawa pulang 13 pingat daripada keseluruhan 16 buah penyertaan dan sebuah pingat bonus iaitu pemenang bagi 'Best Booth for Shell Scheme Category'. Dengan penyertaan yang melibatkan pelbagai jenis bidang dan teknologi, KUKUM berjaya memperoleh satu pingat emas hasil penyertaan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Uda Hashim, 4 pingat perak iaitu hasil 2 penyertaan oleh pihak Y. Bhg. Dato' Rektor KUKUM sendiri, Prof. Dato' Dr.

Kamarudin Hussin, 1 penyertaan masing-masing daripada Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan KUKUM, dan Prof. Madya Dr. Mohd. Rizon Mohamed Juhari. 8 buah pingat gangsa yang dimenangi adalah hasil penyertaan masing-masing daripada Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin, En. Mazlee Mohd. Noor, dan 5 penyertaan yang lain adalah hasil daripada pihak Prof. Mohd. Noor Ahmad yang banyak menentang projek yang berasaskan biosensor.

Dengan kemenangan yang diperolehi, Y. Bhg. Dato' Rektor telah berjanji akan membawa beberapa penyelidikan yang cemerlang di dalam pameran ini dan Pameran ITEX 2005 yang lalu ke Pameran Penyelidikan Geneva yang bakal berlangsung sekitar Mei 2006.

Statistik kemenangan untuk pameran ini dan Statistik Perbandingan Penyertaan KUKUM dalam 2 Pameran Penyelidikan adalah seperti jadual-jadual di bawah.

Kedudukan Pingat Kemenangan Pameran R&D IPTA 2005

Bil.	Nama Peserta	Tajuk	R&D IPTA
1.	Prof. Madya Dr. Uda Hashim, Prof. Madya Zul Azhar Zahid Jamal, Nur Hamidah Abdul Halim, Mohammad Nuzaihan Md. Nor	Cost Effective Negative Plenum Cleanroom For Microelectronic Engineering Undergraduate Programme	Emas
2.	Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Prof. Madya Dr. Uda Hashim, Nur Hamidah Abdul Halim, Mohammad Nuzaihan Md. Nor	MOSFET Process Technology for Microelectronic Engineering Undergraduate Programme	Gangsa
3.	Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin, Che Mohd. Ruzaidi Ghazali, Khairul Nizar Ismail, Mohd. Sobri Idris, Mohd. Nazry Salleh	KUKUM Artificial Marble	Perak
4.	Mazlee Mohd. Noor, Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin, Che Mohd. Ruzaidi Ghazali, Chek Idrus Omar	Enviro Composite Pulley	Gangsa
5.	Prof. Madya Dr. Shamsul Baharin Jamaludin, Che Mohd. Ruzaidi Ghazali, Nurhidayah Ahmad Zaidi, Mazlee Mohd. Noor	Cobalt Impant Composite (CIC)	Gangsa
6.	Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom, Zulkifli Hussin, Siti Nordiyana Md. Salim	Electronic Nose for Fruit Maturity Assessment	Perak
7.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Prof. Madya Dr. Anuar Haji Ahmad, Rosnin Mustafa, Rafidah Abd. Rahman, Kwan Wei Yen	Xanthine Oxidase Disposable Biosensor For Herbal Antioxidant Evaluation	Gangsa
8.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Nashrul Fazli Mohd. Nasir, Rosnin Mustafa	Psychological Stress Sensor	Penyertaan
9.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Khairul Farihan Kassim	A Novel Insect Repellent Soap Based on Neem and Eucalyptus Citriodora Oil	Gangsa
10.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Saiful Azhar Saad	Mass Sensitive Sensor for Odour Monitoring	Penyertaan
11.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Noor Hasyierah Mohd. Salleh	A Novel Coconut Based Liquid Soap with Pineapple Based Enzyme for Cleaning	Gangsa
12.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Norahim Ibrahim	Sensor Array for Integrated Aquaculture	Gangsa
13.	Prof. Dr. Mohd. Noor Ahmad, Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom, Zulkifli Hussin, Siti Nordiyana Md. Salim	Indoor Air Quality Monitoring	Gangsa
14.	Prof. Madya Dr. Mohd. Rizon Mohamed Juhari, Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad, Ahmad Nasir Che Rosli	Biometric Identification: Face Recognition Based on Iris Detection	Perak
15.	Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Nasrudin Abd. Shukor, Nor Shubaily Khamis, Mohd. Noorulfakhri Yaacob	Distributed Campus Time Attendance System/K-Kedatangan	Perak
16.	Atikah Haji Mohd. Ramli @ Haji Awang, Jamali Md. Sah, Zulkifli Abdul Rashid, Shah Fenner Khan Mohamad Khan, Ahmad Humaizi Hilmi, Mohd. Hatta Musa, Nazrezal Abdul Razak KUKUM's	Fabricated Paintball Marker	Penyertaan



Statistik Perbandingan Penyertaan KUKUM di dalam 2 Pameran Penyelidikan

Bil.	Pameran	Pingat			
		Emas	Perak	Gangsa	Tiada Pingat
1.	ITEX 2005	1	4	2	-
2.	R&D IPTA 2005	1	4	8	3
	Jumlah	2	8	10	3

